

UMS ucap tahniah Ketua Menteri Sabah atas penganugerahan PSM

NS T 12.9.2017 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menzahirkan ucapan tahniah kepada Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Haji Aman atas penganugerahan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri daripada Yang Dipertuan Agong, Sultan Muhammad V sempena Ulang Tahun Keputeraan Rasmi pada Sabtu.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin (gambar) berkata, pengaruhan itu merupakan satu pengiktirafan besar terhadap jasa dan kepimpinan serta sumbangan pemimpin nombor satu negeri ini yang ternyata telah memberi impak besar terhadap kemajuan dan pembangunan pesat negeri Sabah termasuk perkembangan dalam pendidikan.

"Kita juga merasa berbangga kerana selain sebagai Pro Canselor UMS, Tan Sri Musa Haji Aman juga sentiasa memberi pandangan dan nasihat serta sokongan padu terhadap usaha dan inisiatif yang dijalankan UMS dalam memperkasakan pendidikan



tinggi di bumi di bawah bayu ini.

"Bagi pihak seluruh warga UMS, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas penganugerahan darjah kebesaran ini, dan saya mendoakan agar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan terus diberikan kesihatan yang baik untuk kekal menjerajui negeri Sabah dengan cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar, di sini, kelmarin.

Untuk rekod, Tan Sri Musa Haji Aman dilantik Pro Canselor UMS sejak tahun 2005 sehingga kini.